

# KHUTBAH KHAS SEMPENA HARI KEPUTERAAN DYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG: KEPIMPINAN MEMBAWA KEBERKATAN NEGARA

Disusun oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُوْبِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى  
اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا - النساء: 59  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ  
وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

## MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan taqwa yang sebenar-benar. Yakni taqwa dalam makna melaksanakan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan beroleh kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Sempena Ulang tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong bagi tahun 2012 ini, sebagai rakyat Malaysia marilah bersama-sama kita memohon ke hadrat Allah SWT semoga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, **Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah** berada dalam 'inayah, taufik-Nya, juga dikurniakan kesihatan, keafiatan serta kesejahteraan. Kita juga memohon agar negara kita Malaysia yang tercinta ini dianugerahkan keamanan, kemajuan, kestabilan dan ketenteraman sepanjang masa. Kita mendoakan semoga rakyat Malaysia di negara ini, hidup dalam keadaan harmoni, bahagia dan bersatu-padu, manakala para pemimpin pula sentiasa tunduk, patuh dan taat kepada Allah SWT dan taat kepada Rasul-Nya, sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT dalam usaha membangunkan negara dengan sentiasa merujuk dan menjadikan Al-Quran serta Sunnah Rasulullah SAW sebagai sumber rujukan utama dalam menghadapi apa jua permasalahan.

## JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Pada hari Jumaat penuh *barakah* lagi mulia ini, bersama-sama kita renungkan dan hayati firman Allah SWT di dalam Al Quran:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً  
 قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ  
 بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: ‘Sesungguhnya Aku (Allah) hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi. Mereka (para malaikat) bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): ‘Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di muka bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), pada hal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?’ Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya”. (Surah Al Baqarah, ayat: 30)

Ayat ini menjelaskan bahawa Islam telah meletakkan kedudukan manusia selaku khalifah Allah SWT, yakni sebagai pemerintah atau penguasa dan juga pemimpin di muka bumi ini yang akan bertanggungjawab untuk mengatur/mengurus kehidupan manusia berdasarkan Syariat yang diwahyukan oleh Allah SWT supaya akan tercapai pula matlamat dan tujuan hidup sebagai hamba Allah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT, seterusnya tercapai juga matlamat hidup bahagia dan mendapat keredhaan Allah SWT di dunia dan akhirat.

Dalam konteks negara kita Malaysia, sebagai sebuah negara majmuk yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa, suku kaum, bahasa dan latar belakang kehidupan. Islam mengiktiraf kehidupan manusia yang pelbagai bangsa itu. Inilah keunikan dan keindahan Islam sebagai agama rahmat kepada seluruh manusia.

Dalam sistem pemerintahan negara kita, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong adalah kepimpinan tertinggi Negara Malaysia yang menjadi simbol kuasa tertinggi dalam Perlembagaan Negara.

### **JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Kepimpinan merupakan perkara penting dalam kehidupan umat Islam. Justeru Islam memberikan panduan terbaik dalam menentukan sifat, ciri dan kriteria kepimpinan. Sifat dan kriteria yang perlu ada pada setiap pemimpin yang berwibawa menurut pandangan Islam, antaranya;

1. Mempunyai keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT serta berakhlak yang mulia.
2. Mempunyai ilmu pengetahuan dan daya pemikiran yang tinggi di samping pengetahuan yang luas.
3. Mengetahui peranan, akan tanggungjawabnya sebagai seorang pemimpin dan sedia tunduk kepada hukum agama dan hukum budaya masyarakatnya.

Watak dan peribadi kepimpinan yang berwibawa adalah mereka yang melihat dan menganggap bahawa jawatan bukan satu keistimewaan, tetapi merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang maha berat. Makin tinggi jawatan kepimpinan yang disandang, semakin besarlah tanggungjawab dan amanah yang perlu dipikul.

Dengan menyedari sesungguhnya kepimpinan itu bermula menjadi pemimpin kepada diri sendiri, kemudian menjadi pemimpin kepada rumahtangga, ahli keluarga dan yang lebih jauh lagi ialah menjadi pemimpin kepada masyarakat, negeri, negara dan dunia keseluruhannya.

## JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Kepimpinan yang terbaik, berjaya dan yang mendapat petunjuk hidayah serta keberkatan Allah SWT, adalah kepimpinan yang akan membawa rakyat, ummah, negeri juga negara ke arah kejayaan, kemajuan, keamanan, kesejahteraan dan keberkatan hidup di dunia dan akhirat. Firman Allah SWT:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَأَتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ  
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya: "Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami (Allah SWT) akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab siksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan (kerjakan)". (Surah Al A'raaf, ayat: 96)

Ayat ini menegaskan bahawa dua faktor utama negeri dan negara yang akan dilimpahi keberkatan oleh Allah SWT, iaitu pemimpin dan rakyatnya yang beriman dan bertaqwa.

Keberkatan bermakna akan bertambah segala macam kebaikan, antara perkara yang baik itu ialah pemimpin menjaga urusan rakyat dan ummah adalah amanah. Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w. mengingatkan para pemimpin dengan sabdanya yang bermaksud: "Tiada siapa pun yang Allah lantik menjadi pemimpin mengetuai urusan rakyat dan matinya dalam keadaan menipu melainkan Allah SWT haramkan dirinya daripada masuk ke dalam syurga". (HR Muslim)

Oleh yang demikian, para pemimpin, yakni umara', ulama dan rakyat hendaklah saling bertaut akrab dalam kerjasama, persefahaman serta tindakan. Pemimpin mesti bersikap jujur dalam setiap kepimpinan dan tindakannya, manakala rakyat mesti bersikap taat kepada pemimpinnya, selagi kepimpinan itu tetap istiqamah mentaati Allah SWT dan Rasul-Nya, sebagaimana firman Allah SWT di dalam Al Quran:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اطِيعُوْا اللّٰهَ وَاَطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَاُوْلٰى الْاَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya: "'Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah SWT dan taatlah kamu kepada Rasulullah SAW dan kepada ulilamri (orang yang berkuasa) dikalangan kamu...". (Surah An-Nisa' ayat: 59).

Menurut Tafsir Al-Maraghi, ayat ini memberi pengertian agar mentaati Allah SWT dengan melaksanakan pengajaran Al-Quran dan mentaati Rasulullah SAW kerana baginda yang memberi penjelasan kepada manusia tentang segala hal yang diturunkan kepada manusia.

Mentaati *Ulilamri* iaitu kepada raja, pemegang kuasa, ulama, umara', pemimpin tentera, termasuklah semua pemimpin dan tokoh yang menjadi tumpuan masyarakat dalam mengurus keperluan dan kemaslahatan umum. Apabila pemimpin mengeluarkan sesuatu arahan, wajib ditaati, dengan syarat mereka memiliki sifat-sifat amanah, tidak menentang Allah SWT dan Rasul-Nya.

Mentaati *Ulilamri* ini hukumnya wajib sebagaimana contoh yang dilakukan oleh Saidina Umar Al-Khattab RA dengan mengadakan pejabat dan lain-lain keperluan untuk mengurus kepentingan umat.

Ulama tersohor Sayyid Qutub menjelaskan, bahawa faktor-faktor kekuatan umat pada zaman silam ialah kerana mereka memiliki 'Roh Islam' iaitu sumber yang memancarkan sifat ketinggian seperti keikhlasan hati, ketenangan jiwa, kepahlawanan, kesanggupan berkorban dan keghairahan untuk mati syahid.

Dalam sebuah Hadithnya, Rasulullah SAW mengingatkan lagi dengan sabdanya yang bermaksud: "Setiap orang Islam wajib mendengar dan taat perintah ketua atau pemimpinnya, sama ada perintah itu mereka sukai atau tidak, selagi perintah itu tidak menyuruh supaya berbuat maksiat. Jika perintah itu menyuruh mereka berbuat maksiat, maka tidak perlu mendengar atau tidak perlu taat". ((HR Bukhari).

### JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Pemimpin yang berwibawa dan mendapat kerjasama serta taat setia daripada rakyat akan melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni, maju dan berjaya serta diberkati oleh Allah SWT.

Akhirnya, marilah kita bermuhasabah memperbaiki segala gerak kerja dan landasan hidup dengan berpandukan kepada Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Marilah kita lakukan apa yang lebih baik daripada hari ini, bulan ini atau tahun ini untuk masa depan yang lebih berjaya dan cemerlang di dunia dan akhirat.

Semoga kita akan menjadi umat contoh yang berjaya dan terbaik, yakni 'khaira ummah' yang disebutkan oleh Allah SWT di dalam Al Quran. Jadilah rakyat yang mempunyai ketaatan dan kesetiaan kerana ketaatan serta kesetiaan akan membawa kepada perpaduan dan kekuatan ummah dan Negara, insya Allah.

Firman Allah SWT di dalam Al Quran:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ  
عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ  
خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Maksudnya: "Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk umat manusia. (Kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Kalaulah ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi), antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang yang fasiq". (Surah Ali 'Imran: 110)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Disediakan oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah